

# MENGANTARABANGSAKAN SENI TEKAT

Pada suatu ketika dahulu, tekak, iaitu jahitan yang berbunga-bunga (biasanya digunakan sebagai perhiasan pada kain), digunakan oleh golongan tertentu sahaja, yakni keluarga diraja atau golongan istana. Perkembangan awal seni tekak dikesan pada awal kurun ke-15, iaitu semasa zaman keagungan kesultanan Melayu Melaka. Pada ketika itu, hanya keluarga istana yang tampil dengan memakai pakaian bercorak seni tekak, iaitu pakaian kebesaran dan hiasan harian. Begitu juga dengan perhiasan istana yang kebanyakannya bercirikan corak tekak yang diperbuat daripada benang emas. Keunggulan seni tekak pada zaman tersebut semakin terserlah apabila seni tekak dijadikan sebagai perhiasan dan hadiah kepada simbolik hubungan perdagangan dengan kerajaan lain, khususnya Maharaja Cina.

Sebaik-baik sahaja pemerintahan kesultanan Melayu Melaka berakhir, seni tekak masih kekal sebagai budaya bangsa Melayu. Kegemilangan tekak, meskipun tidaklah

sehebat seperti zaman sebelumnya, masih berada dalam kelas yang tersendiri. Kelas tekak bukan hanya terletak pada pemakainya, tetapi terletak pada pembuatnya juga. Tidak banyak orang yang mampu memahami seni tekak dan mampu menghasilkan tekak. Oleh sebab itu, apabila zaman bersilih ganti, tekak tetap berada pada kedudukan yang tersendiri dan eksklusif.

Seni tekak tidak boleh dipisahkan daripada masyarakat Baba dan Nyonya. Mereka menggayakan tekak bukan sahaja pada pakaian, tetapi pada sepatu dan perhiasan rumah juga. Budaya sulaman popular dalam kalangan masyarakat Baba dan Nyonya, khususnya kebaya nyonya yang diperbuat daripada benang dengan menggunakan seni

sulaman tangan yang halus dah terperinci, mendorong mereka untuk mendekati seni tekak. Oleh itu, meskipun zaman berlalu, masyarakat Baba dan Nyonya masih mempertahankan seni tekak kerana tekak menjadi sebahagian daripada pembentukan budaya kehidupan mereka.

Pada hari ini, seni tekak masih kita warisi. Meskipun penggunaannya jarang-jarang diketengahkan, pada majlis atau upacara tertentu, seni tekak masih ditonjolkan. Antaranya termasuklah sebagai kelengkapan perkahwinan, upacara peminangan, kelahiran, berkhatan, dan berkhatham al-Quran. Begitu pun penggunaannya dalam kalangan masyarakat biasa agak terbatas. Keterbatasan ini berlaku mungkin kerana bahan asasnya merupakan bahan mewah dan kepakaran menghasilkannya amat dituntut.


Pada hari ini, terdapat dua buah negeri yang masih mempertahankan seni tekak, iaitu Perak dan Negeri Sembilan.

Perak banyak mengusahakan kraf seni tekak timbul benang emas. Selain itu, terdapat beberapa jenis tekak yang terkenal di negeri itu, iaitu tekak timbul benang emas, tekak gubah dan tekak perada.

Ketika mengimbas kembali sejarah awal tekak, seni ini dikenali juga sebagai bersuji. Menekak merupakan kerja menyulam benang emas pada kain dasar (jenis baldi). Kerja menekak memerlukan pemidang untuk meregangkan kain baldi, mempulur sebagai acuan motif, dan benang emas untuk membentuk bunga tekak.

Pada masa dahulu, istana merupakan penggerak utama seni tekak. Kebanyakan pembuat tekak menjadi pekerja khas istana dan ada yang tinggal di istana. Oleh sebab kos membuat tekak yang tinggi pada ketika itu, hanya golongan istana yang mampu membuat tekak benang emas.

Tekak benang emas menampilkan kemewahan dan keagungan si pemakai.



**“Kebanyakan daripada keluarga saya mempunyai darah seni. Agak sayang jika tidak menggunakan kemahiran dan kepakaran ini untuk dikomersialkan, di samping menjaga warisan kita yang hampir ditelan zam.”**

Raja Nazhatul Shima

Hal itulah yang membezakan tekat istana daripada tekat rakyat biasa. Penghormatan golongan istana terhadap seni tekat secara langsung menggalakkan seni tekat terus berkembang, khususnya di Perak.

Usaha mengembalikan kegemilangan seni tekat yang menjadi warisan orang Melayu, terutama di Perak, tidak pernah dikesampingkan. Yang lebih bermakna, pada hari ini, usaha tersebut dilakukan sendiri oleh kalangan istana. Raja Puan Mahkota Perak, Datuk Seri Raja Nazhatul Shima Sultan Idris Shah, merupakan pewaris seni tekat dari zaman nendanya Almarhumah Raja Perempuan Kalsom. Ternyata bahawa Raja Nazhatul Shima mewarisi minat terhadap seni tekat daripada nendanya, yang sememangnya mahir dan banyak menghasilkan karya seni tekat,



termasuk tekat yang menghiasi Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, serta pakaian rasmi Yang di-Pertuan Agong pertama, Tuanku Sir Abdul Rahman Ibnu Almarhum Tuanku Muhammad.

Oleh sebab tidak mahu seni tekat hilang ditelan zaman dan cintanya akan seni tekat yang begitu mendalam, Raja Nazhatul Shima melakukan transformasi pengayaan seni tekat menerusi beg tangan dan beg genggam yang sememangnya menjadi kegunaan

kebanyakan wanita pada hari ini. Tanpa mengetepikan konsep pembuatan seni tekat tradisional, beliau tampil dengan pelbagai rekaan segar seni tekat yang diabadikan pada kedua-dua jenis beg tersebut.

“Seni tekat benang emas yang terkenal di Perak, terutama dalam kalangan kerabat diraja, mempunyai kehalusan tersendiri, iaitu melalui proses sulam benang emas yang dijahit silang dan rapat-rapat. Hal ini sudah tentu rumit dan memerlukan

ketelitian yang membuatkan penghasilannya sangat jarang-jarang, jika ada pun sesuatu yang sangat eksklusif dan premium,” ujar Raja Nazhatul Shima, ketika bertitah pada majlis pelancaran koleksi Nazha Exclusive, yang disempurnakan oleh Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim, di hotel terkemuka di Kuala Lumpur pada bulan April yang lalu.

Raja Puan Mahkota Perak itu, yang berkecimpung dalam penghasilan beg tangan tekat sejak tahun 2014, mendapat idea mengasaskan jenama Nazha Eksklusif ketika mengunjungi kawasan pembuatan tekat tradisional di Sayong, Kuala Kangsar. Pada ketika itu, beliau mendapati bahawa kebanyakan pengusaha seni tekat tidak mendapat permintaan yang menggalakkan kerana masyarakat tidak lagi berminat untuk mengkomersialkan seni tekat. Oleh itu, beliau berasa terpenggil untuk melakukan “sesuatu” bagi memastikan seni tekat tidak hilang ditelan zaman.

“Saya berasa simpati apabila memikirkan keadaan itu, sedangkan mereka begitu berbakat menghasilkan seni tekat dan sanggup meneruskan legasi tersebut walaupun tiada permintaan. Nenda saya dahulu, membuat tekat. Maka saya mula terfikir, mengapa tidak saya meneruskan legasi tersebut dan berusaha untuk mempromosikan seni yang cukup unik ini kepada pasaran tempatan? Jika ada peluang, saya perlu berusaha untuk membawanya ke peringkat antarabangsa agar seni tekat dikenali di seluruh dunia,” ucap Raja Nazhatul Shima.

Tatkala banyak pencinta fesyen mengalih perhatian kepada seni

Barat, Raja Nazhatul Shima mengorak langkah yakin dan berani dengan mengangkat seni tekat ke tahap yang seiring dengan fesyen dunia yang terkini. Jika dahulu seni tekat hanya boleh didapati pada perhiasan hantaran perkahwinan dan pakaian kerabat diraja sehingga mewujudkan jurang antara pengusaha seni tekat dengan pemakainya, kini Raja Nazhatul Shima membawa seni tekat ke dimensi baharu yang segar dan moden. Beliau juga menepis persepsi yang menyatakan bahawa seni tekat hanya dipakai oleh golongan istana, tidak sesuai untuk golongan muda, dan eksklusif untuk pemakai yang eksklusif sahaja.

“Kebanyakan daripada keluarga saya mempunyai darah seni. Agak sayang jika tidak menggunakan kemahiran dan kepakaran ini untuk dikomersialkan, di samping menjaga warisan kita yang hampir ditelan zaman,” jelas Raja Nazhatul Shima.

Ketika menjelaskan bahawa seni tekat memerlukan ketelitian dan kesabaran yang tinggi, Raja Nazhatul Shima ternyata mengagumi pembuat seni tekat yang ada pada hari ini. Ilmu tekat dapat dipelajari, tetapi ketelitian dan kesabarannya bukan sesuatu yang dapat dipelajari. Hanya mereka yang benar-benar memahami keindahan seni tekat akan menghasilkan corak tekat yang benar-benar berkualiti. Hal ini dikatakan demikian kerana proses tekat bermula dengan empulur, iaitu kertas keras yang dipotong mengikut motif atau corak yang diingini. Kemudian empulur dijahit dengan sulaman benang emas atau benang perak di atas kain baldu.

“Ketelitian dan kesabaran tinggi dalam menyiapkan sesuatu hasil tekat mengambil masa yang lama. Oleh sebab itu, kebanyakan pelanggan pasti faham jika harga beg tekat ini mahal. Mereka perlu mengambil maklum bahawa tekat ialah hasil kraf tangan premium dengan kos penghasilan yang agak tinggi, namun masih boleh dimiliki,” ujar Raja Nazhatul Shima. Sebagai permulaan, Nazha Exclusive memasarkan rekaan tekat pada beg tangan dan beg bimbis dengan harga daripada RM1999 sehingga RM2699.

Beliau menjelaskan bahawa rekaan dan corak tekat Nazha Exclusive sememangnya eksklusif kerana direka sendiri dengan menggunakan fabrik baldu hitam dan merah hati, selain mempunyai 13 jenis motif yang diinspirasikan daripada flora dan rama-rama. Setiap rekaan juga mengambil nama bunga tempatan, seperti ros, dahlia, anggerik, melati, cempaka, tanjunga, kenanga dan melur.

Pelancaran beg tangan dan beg tangan genggam merupakan langkah awal Nazha Exclusive untuk mengembalikan zaman kegemilangan seni tekat, sekali gus membawa seni ini ke peringkat dunia. Raja Nazhatul Shima mempunyai perancangan pada masa depan untuk menghasilkan lebih banyak produk berasaskan seni tekat, termasuklah barangan perhiasan rumah, seperti bingkai gambar, kotak serba guna dan kotak pensel.

“Usaha ini sebagai langkah awal. Saya mahu menghasilkan lebih banyak lagi rekaan tekat dengan pelbagai jenis pilihan barangan agar lebih banyak orang dapat mengenali seni tekat yang sebenar dengan lebih dekat,” jelas Raja Nazhatul Shima. □